

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI MOSTI 2015
12 APRIL 2016 (SELASA)
HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR**

**[DISAMPAIKAN OLEH
YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI]**

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha, MOSTI

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HJ. YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. RAMZAH DAMBUL
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YANG BERUSAHA PUAN MAREENA MAHPUDZ
Setiausaha Bahagian Kewangan
Selaku Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Apresiasi
MOSTI 2016

KETUA PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI,

**Penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang (APC)**

serta Tuan-tuan dan Puan-puan warga MOSTI yang saya hormati.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI,

1. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan **ucapan maaf** daripada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang **tidak dapat hadir bersama** kita kerana beliau terpaksa berada di Sabah atas urusan yang lain. Yang Berhormat Menteri telah meminta saya untuk mewakili beliau dalam Majlis ini.

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa amat gembira sekali kerana dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Apresiasi MOSTI 2015 pada hari ini. Saya berpandangan bahawa Majlis ini amatlah bermakna kerana ia melibatkan kehadiran satu keluarga besar MOSTI iaitu wakil-wakil dari Ibu Pejabat, Jabatan dan juga agensi MOSTI untuk **meraikan pegawai dan kakitangan yang menerima pingat dan anugerah perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2015**.

2. Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah berganding bahu bagi menjayakan majlis pada hari ini. Sesungguhnya **kerjasama dan komitmen semua pihak adalah merupakan pra-syarat dalam memacu kecemerlangan sesebuah organisasi termasuklah Kementerian ini**.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah diberi pengiktirafan untuk menerima **Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)** dan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** pada hari ini.

4. Sebagai penerima PPC dan APC pada hari ini, adalah menjadi tanggungjawab tuan-puan sekalian untuk benar-benar memahami dan menghayati perkara-perkara seperti yang saya nyatakan tadi. Semoga pengiktirafan dan anugerah yang diberikan setiap tahun ini akan **menjadi inspirasi dan dapat membangkitkan lagi semangat dan motivasi kepada semua warga MOSTI** untuk berkhidmat dengan penuh bertanggungjawab dan dedikasi.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Saya ingin mengambil kesempatan sempena dengan Majlis Apresiasi pada hari ini untuk berkongsi impian dan harapan saya sebagai Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. MOSTI ditubuhkan dengan satu matlamat iaitu menjadi peneraju agenda Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara. Sebagai peneraju, Kementerian inilah yang bertanggungjawab dalam semua aspek STI terutamanya menetapkan hala tuju STI negara. Kita perlu memimpin, kita perlu mendahului, kita perlu berada di hadapan, kita juga perlu menetapkan dasar dan yang paling penting juga kita perlu memastikan dasar-dasar di Kementerian lain juga menyokong agenda STI.
6. Dalam erti kata lain, Kementerian ini perlu menggerakkan inisiatif **STI for Policy** melalui konsultasi dengan Kementerian-Kementerian berkaitan secara berterusan bagi memastikan matlamat ini akan dapat direalisasikan. Dengan tertubuhnya Majlis Sains Negara atau *National Science Council (NSC)* di mana MOSTI adalah Sekretariatnya, Kementerian ini sudah berada di landasan yang betul untuk menjadikan STI sebagai agenda utama dalam pembangunan ekonomi negara. Oleh sebab itu, saya amat mengharapkan supaya platform NSC ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
7. Saya amat berkeyakinan bahawa kita mempunyai pelbagai kepakaran sama ada di peringkat Kementerian mahu pun di agensi untuk mengkaji dan mengemukakan inisiatif strategik untuk dilaksanakan. Perancangan yang teliti dan berterusan perlu dibuat bagi memastikan cadangan dan inisiatif strategik berkaitan STI dapat dibentang dan diputuskan dalam Majlis ini.
8. Saya juga telah difahamkan bahawa penstrukturran semula Kementerian ini telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Saya penuh yakin struktur baru ini akan dapat memperkuuhkan peranan dan tanggungjawab MOSTI sebagai peneraju agenda STI negara. Sebagai contoh, Pelan Tindakan STI yang melibatkan semua *stakeholders*

termasuk agensi, kementerian dan industri, perlu dirangka dengan segera sebagaimana yang telah diputuskan oleh NSC.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Tahniah juga saya ucapkan di atas **beberapa kejayaan-kejayaan yang diperolehi MOSTI dan agensi seperti yang diumumkan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. KSU sebentar tadi**. Apa yang jelas kepada kita semua adalah kejayaan dan pengiktirafan tersebut sukar untuk dicapai tanpa usaha dan dedikasi semua pihak. Sehubungan itu, saya percaya, banyak lagi kejayaan akan dapat diperolehi sekiranya kita semua menggembungkan tenaga sebagai satu pasukan.

10. Ini terbukti apabila MOSTI memperoleh pengiktirafan Lima Bintang Agensi Sektor Awam tahun 2015-2016 oleh MAMPU. Saya difahamkan ini merupakan kali kedua MOSTI berjaya mendapat anugerah Lima Bintang tersebut.

11. Dari segi prestasi *core-business* kementerian, MOSTI telah mencapai **kejayaan amat membanggakan dari segi pencapaian KPI MOSTI tahun 2015 iaitu sebanyak 121 peratus**. Pencapaian ini adalah hasil kerja keras semua warga MOSTI termasuk Jabatan dan agensi. **Syabas dan tahniah** saya ucapkan atas kejayaan ini!

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Pada masa ini, kita masih lagi menghadapi **kesukaran dalam menerapkan budaya sains dalam masyarakat** terutama generasi muda yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. **Stigma ‘sains itu susah’** telah sekian lama berakar ubi dalam masyarakat menyebabkan pelajar jurusan sains di sekolah dan di institusi pengajian tinggi semakin berkurang. Mungkin cara subjek sains diajar di sekolah perlu diubah. Ada keperluan untuk menambah baik pendekatan pengajaran dan pembelajaran subjek sains dan juga matematik supaya menjadi lebih menarik agar pelajar lebih berminat dalam subjek tersebut.

13. Oleh itu, kita **perlu terus menanamkan cinta dan minat kepada sains** di dalam masyarakat jika kita mahu menjadi negara maju sains (*scientifically advanced nation*). Keadaan ini amat kritikal dengan dapatan daripada laporan *Science Outlook* oleh Akademi Sains Malaysia (ASM), yang menunjukkan bahawa hanya 20% sahaja pelajar kita yang mengikuti jurusan sains berbanding sasaran negara sebanyak 60%. Jika keadaan ini berterusan dan tidak ditangani, maka negara akan berhadapan dengan masalah untuk mendepani cabaran dalam era ekonomi yang baru.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. **Tahniah sekali lagi** saya ucapkan kepada MOSTI, semua Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI yang telah bersama-sama berusaha demi kemajuan sains, teknologi dan inovasi negara. **Gandakan usaha untuk mencapai kecemerlangan**, kejayaan tidak akan ada penamatnya kerana ia merupakan satu usaha yang berterusan.

15. Justeru, marilah kita **sama-sama terus beriltizam untuk bekerja dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan** dan meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ingin **mengucapkan sekalung tahniah kepada semua penerima anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** serta seluruh warga MOSTI termasuklah dari Jabatan dan Agensi MOSTI kerana telah berjaya melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2015.

Sekian, terima kasih.